

Dugong ditemui terdampar di perairan Kampung Sim-Sim

UB 12.8.2017 A5

Oleh YUSOP TEPO

SANDAKAN: Kehadiran seekor dugong di perkampungan atas air Kampung Sim-Sim telah mengemparkan penduduk.

Dugong yang kenali sebagai lembu laut ini dilihat berlegar-legar di perairan perkampungan atas air itu oleh penduduk kampung sekitar jam 8.30 pagi.

Penduduk yang menyedari kehadiran dugong berkenaan menghubungi Jabatan Hidupan Liar Sabah disini bagi memaklumkan kehadiran spesies mamalia dilindungi itu.

Pegawai Hidupan Liar Sandakan, Hussien Muin berkata pihaknya telah menerima aduan dari penduduk berhubung kehadiran dugong berkenaan.

“Pihaknyadengankerjasama Wildlife Rescue Unit telah membuat pemantauan di lokasi berkenaan,” katanya.


Beliau berkata pihaknya juga telah mengadakan perbincangan awal dengan Fakulti Marin Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhubung penemuan tersebut.

“Pihal UMS akan menghantar para penyelidik untuk mengumpul data spesies

itu,” katanya.

Beliau menjelaskan spesies dugong merupakan spesies dilindungi dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

Hussein mengharapkan masyarakat di sekitar daerah ini khasnya di Kampung Sim-Sim agar dapat memberi kerjasama dalam membantu usaha konservasi.



GUDONG yang ditemui.